



UMP lancar khidmat bersih bangunan selepas bencana

KUANTAN: Universiti Malaysia Pahang (UMP) melancarkan program khidmat sukarelawan membabitkan penyertaan pelajarannya bagi membantu membersihkan bangunan seperti masjid, surau, balai raya dan sekolah yang kotor akibat ditenggelami banjir.

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Mohamed Said Mat Lela, berkata jawatankuasa bencana alam UMP yang ditubuhkan akan berusaha meringankan beban yang ditanggung mangsa banjir terutama di daerah Pekan.

Katanya, seramai 200 sukarelawan termasuk kakitangan UMP digerakkan bagi melaksanakan kerja berkenaan selama seminggu dan program itu akan diteruskan sekiranya keadaan memerlukan.

"Bantuan khidmat membersihkan rumah mangsa banjir terutama yang terletak di tepi Sungai Pahang juga akan diberikan sekiranya keadaan memerlukan.

"Program ini sebagai bukti keprihatinan dan simpati pelajar dan kakitangan UMP terhadap mangsa banjir terutama di Pekan yang mengalami kerugian harta benda," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Pelancaran Khidmat

Sukarelawan Jawatankuasa Bencana Alam UMP di Dewan Bankuet UMP, di sini, semalam.

Turut hadir Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof Dr Abdul Jalil Borhan.

Mohamed Said berkata, UMP sebelum ini sudah menyumbangkan lebih satu tan makanan seperti beras, minyak masak, biskut, tepung dan gula kepada mangsa banjir di Pekan.

Beliau berkata, jumlah sukarelawan dijangka bertambah terutama selepas kemasukan pelajar baru UMP awal Januari depan.

Katanya, sukarelawan banjir yang dilancarkan semalam menjadi landasan dan kayu pengukur kepada khidmat komuniti yang akan menjadi teras UMP pada masa depan.

"UMP juga mempelawa pusat pengajian tinggi awam dan swasta di negeri ini untuk turut sama berganding bahu menghulurkan bantuan kepada mangsa banjir selepas banjir surut kelak.

"Kita sedia menjadi penyelaras kepada usaha membantu mangsa banjir bagi memastikan semua aktiviti bantuan berjalan lancar mengikut kehendak masyarakat," katanya.

BERSEMANGAT: Mohamed Said (Ilma dari kiri) bersama pelajar dan kakitangan UMP selepas majlis pelancaran khidmat sukarelawan di Dewan Bankuet UMP, kelmarin.

BH (Melayu) 28/12/07 1310